

KUALA NERUS / SETIU

Muhammad Anas muncul tokoh siswa Unisza

GONGBADAK – Penuntut Fakulti Informatik dan Komputeran, Universiti Sultan Zainal Abidin (Unisza), Muhammad Anas Misbahudin, 23, dinobatkan sebagai penerima Anugerah Utama Tokoh Siswa 2015, sekali gus membawa pulang tunai RM1,000 berserta trofi dan sijil.

Muhammad Anas, yang merupakan penuntut tahun tiga Ijazah Sains Komputer, turut menerima Anugerah Pemimpin Program Kepimpinan Terbaik dan membawa pulang tunai RM500 berserta trofi dan sijil atas penglibatan aktif serta pencapaian dalam program kepimpinan.

Sehubungan itu, Muhammad Anas yang juga Pengurus Majlis Perundingan Pelajar Kebangsaan (MPPK), melahirkan rasa syukur atas anugerah dimenangnya itu dan berterima kasih kepada Unisza kerana memilihnya sebagai pemenang.

“Saingan agak ramai dan masing-masing mempunyai kelebihan tersendiri, masih tak sangka yang saya dipilih untuk menerima anugerah uta-



Muhammad Anas (kiri) bersama anugerah dimenanginya.

ma ini walaupun rakan yang lain sama hebat.

“Insya-Allah, saya mewakili Unisza akan cuba memberikan yang terbaik, di samping membuat persediaan bagi mengharumkan nama universiti,” katanya yang juga mantan presiden Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) Unisza.

Sementara itu, Lembaga Pengarah Universiti, Mohammad Sahar Mat Din berkata, Malam Anugerah Kepimpinan Siswa 2015 itu

kali ketiga diadakan bertujuan memberi pengiktirafan kepada penuntut yang bergiat aktif dalam menggerakkan aktiviti mahasiswa.

“Malam Anugerah ini turut beri dorongan kepada pelapis baru agar mampu menjadi pemimpin berkaliber.

“Anugerah seperti ini juga dapat menonjolkan bakat kepimpinan mahasiswa dalam bidang masing-masing, sekali gus menjadi ikon kepada penuntut yang lain,” katanya.